

KANDUNGAN

1. Anggota Lembaga KPPK Berhad 2025 / 2026	2
2. Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-30	3 - 4
3. Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-29 pada 20 Jun 2025	5 - 11
4. Laporan Tahunan KPPK Berhad 2025	12 - 19
5. Laporan Audit Dalaman Koperasi Tahun Kewangan 2025	21
6. Laporan Penyata Kewangan KPPK Berhad 2025	22 -51
7. Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2026-2027	52
8. Peraturan Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan	53 - 55
9. Lampiran:-	
- Borang Permohonan Menjadi Anggota	56-57
- Borang Penama	58
- Borang Permohonan Tabung Khairat Kematian	59



ANGGOTA LEMBAGA KPPK BERHAD 2025 / 2026

DATUK ABU BAKKAR BIN SHAWKAT ALI, DPSM,DSM,AMN,PJK,PBM,JC

JAWATAN : Pengerusi

ALAMAT : 9105 – C, Taman Nurbar, Bukit Serindit, 75400 Melaka.

VEL MOHAN A/L RANGASAMY

JAWATAN : Timbalan Pengerusi

ALAMAT : 399 Lorong 15, Taman Saujana, 34600 Kamunting, Perak.

CHAN CHENG HUAT

JAWATAN : Setiausaha

ALAMAT : 11, Jalan BM7, Taman Belatuk Mas, Durian Tunggal, 76100 Melaka.

WANG HENG SUAN, SDK.,AMK.,BKM

JAWATAN : Timbalan Setiausaha

ALAMAT : No.2 Lorong BLM 5/46, Bandar Laguna Merbuk, 08000 Sg. Petani, Kedah.

SYED ZULKAFI BIN SYED ABDUL KARIM, PMC,PJK

JAWATAN : Bendahari

ALAMAT : 1200A Rumah Guru, SK Ayer Hitam, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.

MOHD FADZIL BIN MD ISA, BKM.,PCK

JAWATAN : Timbalan Bendahari

ALAMAT : No.46, Taman Suria, Jalan Masjid, 06000 Jitra, Kedah.

JONAI DI BIN OSMAN

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : Villa Cinta Kasih, Lot 11028 Kampung Batu Hitam, Beserah, 26100 Kuantan, Pahang.

AMINUDDIN BIN AWANG

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : Lot 983, Kg Pasir Kota, 15100 Kota Bharu, Kelantan.

TEE WEE MENG

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : 281, Jalan Tiara 6, Taman Tiara, 84900 Tangkak, Johor.

ASRAB KHAN BIN ABD KASSIM

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : A-1-5, Rumah Guru, Taman Melati, 53100 Kuala Lumpur.

FOUZI BIN SINGON

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : No. 10 Lorong 12, Perkampungan Cempaka Aman, Jalan Pantai Sepat, 26060 Kuantan Pahang.

POK KIM CHAN

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : No.20, Jalan 2/12, Bandar Sunway, Semenyih, 43500 Semenyih, Selangor.

LIEW SOOK FONG

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : 2078 Jalan Sj 9/2 Taman Seremban Jaya, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.

SUWEDAN A/L SELLAPPAN

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : No.16, Jalan Hamzah Alang 9, Taman Pinke, 42200 Kapar, Selangor.

WAI YOK MAN

JAWATAN : Anggota Lembaga

ALAMAT : D-11-13 Condo Sentul Utama, Taman Dato Senu, 51000 Kuala Lumpur

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-30

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-30 bagi Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 19 Jun 2026 (Jumaat)
Masa : 3.30 petang
Tempat : Dewan Seminar,
KPPK Semenanjung Malaysia,
No.9, Jalan Murai Dua,
Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur.

Aturcara Mesyuarat

Pendaftaran

Perasmian

Sesi Mesyuarat

Agenda Mesyuarat

1. Ucapan Pengerusi Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
2. Mengesah dan menerima Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali Ke- 29 yang diadakan pada 20 Jun 2025.
3. Membentang dan meluluskan Laporan Tahunan Anggota Lembaga bagi tahun 2025.
4. Menimbang dan meluluskan :
 - a) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
 - b) Pandangan Suruhanjaya Koperasi mengenai akaun-akaun teraudit untuk tahun berakhir 31/12/2025
5. Mengesah dan menerima
 - a) Penyata Kewangan bagi tahun 2025
 - b) Menimbang dan meluluskan Pembahagian Keuntungan bagi tahun 2025
6. Mengesah dan meluluskan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan 2026 / 2027.
7. Memilih 5 orang Anggota Lembaga.
8. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak lebih daripada 2 firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
9. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
10. Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga Koperasi meminjam wang tidak lebih dari RM 5,000,000.00 (Ringgit : Lima Juta sahaja) dengan kadar faedah tidak melebihi kadar faedah semasa di pasaran.
11. Meluluskan had pelaburan luar kepada Anggota Lembaga tidak melebihi RM 5,000,000.00 (Ringgit : Lima Juta sahaja).

12. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang Perwakilan dan 4 orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan ke 30.
13. Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
14. Membincang usul-usul bertulis yang telah disampaikan kepada Setiausaha sekurang- kurangnya tujuh hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan.
15. Meluluskan Elaun-Elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam Peraturan 33 (1) (f) & (p)].
16. Ucapan Penangguhan.

Dengan Perintah Anggota Lembaga KPPK Berhad



(CHAN CHENG HUAT)
Setiausaha
KPPK Berhad

MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN KE- 30
ADALAH UNTUK DELEGAT –
DELEGAT TERPILIH SAHAJA

**KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(KPPK BERHAD)**

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-29

*Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 20 JUN 2025 jam 3.00 petang di Dewan Seminar NUTP,
9 Jln Murai off Jln Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur.*

KEHADIRAN PERWAKILAN

HADIR

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Datuk Abu Bakkar bin Shawkat Ali | - Pengerusi |
| 2. Sdr. Vel Mohan a/l Rangasamy | - Timbalan Pengerusi |
| 3. Sdr. Chan Cheng Huat | - Setiausaha |
| 4. Sdr. Syed Zulkafli bin Syed Abdul Karim | - Bendahari |
| 5. Sdr. Wang Heng Suan | - Timbalan Setiausaha |
| 6. Sdr. Mohd Fadzil bin Md Isa | - Timbalan Bendahari |
| 7. Sdr. Jonaidi bin Osman | - Anggota Lembaga |
| 8. Sdr. Tee Wee Meng | - Anggota Lembaga |
| 9. Sdr. Asrab Khan bin Abd Kassim | - Anggota Lembaga |
| 10. Sdr. Pok Kim Chan | - Anggota Lembaga |
| 11. Sdr. Suwedan a/l Sellappan | - Anggota Lembaga |
| 12. Sdr. Fouzi bin Singon | - Anggota Lembaga |
| 13. Sdri.Liew Sook Fong | - Anggota Lembaga |
| 14. Sdr. Wai Yok Man | - Anggota Lembaga |
| 15. Sdr. Ng Ngai Leong | - Perwakilan Kedah |
| 16. Sdr. Peron a/l Ahwin@ Ahwan | - Perwakilan Kedah |
| 17. Sdr. Jaafar bin Abdullah | - Perwakilan Kedah |
| 18. Sdr. Chong Cheah Kheng @ Koh Cheah Kheng | - Perwakilan Kedah |
| 19. Sdr. Aridas a/l Kathan | - Perwakilan Kedah |
| 20. Sdr. Vela Kumaran a/l Velayutham | - Perwakilan Kedah |
| 21. Sdr. Yusnizam bin Yahya | - Perwakilan N.Sembilan |
| 22. Sdr. Ros Saifullizan bin Yahya | - Perwakilan N.Sembilan |
| 23. Sdri. Zarina binti Abdul Malek | - Perwakilan N.Sembilan |
| 24. Sdr. Lim Fice Kun | - Perwakilan N. Sembilan |
| 25. Sdr. Ong See Meng | - Perwakilan Pahang |
| 26. Sdr. Wang Chuang Hang | - Perwakilan Pahang |
| 27. Sdr. Lee Siong Seng | - Perwakilan Melaka |
| 28. Sdri. Ong Kwee Bee | - Perwakilan Melaka |
| 29. Sdri. Ng Peck Hoon | - Perwakilan Melaka |
| 30. Sdri. Tan Siew Ting | - Perwakilan Selangor |
| 31. Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan | - Perwakilan Selangor |
| 32. Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan | - Perwakilan Selangor |
| 33. Sdr. Thean Gnan Wooi | - Perwakilan Selangor |
| 34. Sdr. Arjunan a/l Kuppan | - Perwakilan Selangor |
| 35. Sdri. Rajaletchumi a/p Vengatta Raman | - Perwakilan Selangor |

- | | |
|--|----------------------------------|
| 36. Sdr. Ravichandran a/l Shanuganathan | - Perwakilan Selangor |
| 37. Sdr. G. Ravi a/l Govindasamy | - Perwakilan Selangor |
| 38. Sdri. R Thamilarasy a/p P R Ramakrishnan | - Perwakilan Selangor |
| 39. Sdr. Ch'ng Yit Seong | - Perwakilan Wilayah Persekutuan |
| 40. Sdr. Mohd Jusmanizal bin Ismail | - Perwakilan Wilayah Persekutuan |
| 41. Sdri. Manjula a/p Muthusamy | - Perwakilan Wilayah Persekutuan |
| 42. Sdr. Nandikesan a/l Npapillai | - Perwakilan Wilayah Persekutuan |
| 43. Sdri. Wan Nurdeeny binti Wan Roshdi | - Perwakilan Kelantan |
| 44. Sdr. Mohd Azli bin Mat Yusoff | - Perwakilan Terengganu |
| 45. Sdr. Mohd Yusof bin Idris | - Perwakilan Terengganu |
| 46. Sdr. Muthusamy a/l Paliany @ Palany | - Perwakilan Perak |
| 47. Sdr. Mohd Azli bin Kamiran | - Perwakilan Perak |
| 48. Sdr. R. Vijayan a/l Rengiah | - Perwakilan Perak |
| 49. Sdr. Othman bin Mohd Shafawi | - Perwakilan Perak |
| 50. Sdri. Lee Tsuey Ping | - Perwakilan Perak |
| 51. Sdr. Ahmad Azizan bin Samsudin | - Juru Audit Dalam |

TIDAK HADIR

- | | |
|-----------------------------------|-----------------------|
| 1. Sdr. Aminuddin bin Awang | - Anggota Lembaga |
| 2. Sdri. Norihan binti Mat Ghani | - Perwakilan Kelantan |
| 3. Sdr. Azmi bin Abu Yamin | - Perwakilan Kelantan |
| 4. Sdri. Shambagam a/p Mari Muthu | - Perwakilan Kelantan |
| 5. Sdr. Tgk Azis bin Tengku Mamat | - Perwakilan Kelantan |

AGENDA 1 :

UCAPAN Pengerusi KPPK BERHAD Datuk Abu Bakkar Bin Shawkat Ali

Datuk Pengerusi merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga dan perwakilan kerana meluangkan masa untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPPK Bhd kali ke-29. Datuk Pengerusi juga merakamkan ucapan syabas kepada KPPK Bhd. kerana berjaya mengadakan mesyuarat agung menepati peraturan SKM iaitu sebelum 30 Jun tahun ini. Beliau juga memaklumkan bahawa sejak penubuhannya, KPPK Bhd tidak pernah mengalami sebarang kerugian. Anggota Lembaga sering mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum membuat sebarang pelaburan. Datuk Pengerusi juga menggalakkan para anggota koperasi supaya mengambil kesempatan untuk meminjam dari KPPK Bhd yang menyediakan pembiayaan dengan kadar faedah yang sangat rendah. Beliau juga memaklumkan bahawa KPPK Bhd telah berjaya mencatatkan keuntungan yang lebih baik pada tahun 2024. Seterusnya, Datuk Pengerusi telah merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPPK Bhd kali ke-29.

AGENDA 2 :

MENGESAHKAN DAN MENERIMA MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-28 YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 JUN 2024

Minit Mesyuarat Agung tersebut telah diterima sebulat suara dengan :-

Pencadang : Sdr. G Ravi a/l Govindasamy

Penyokong : Sdr. Arjunan a/l Kuppan

AGENDA 3 :

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2024

- 3.1 Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa pada tahun 2024, KPPK Bhd telah mencatat keuntungan bersih sebanyak RM666,899.00, berbanding RM599,993.00 pada tahun 2023. Atas cadangan pihak Juru Audit Luar, pembayaran dividen adalah sebanyak 2.5% atas modal yuran berjumlah RM540,083.00 dan 5% atas modal syer berjumlah RM22,203.00 bagi tahun 2024.
- 3.2 Datuk Pengerusi juga menegaskan bahawa Anggota Lembaga sentiasa berbelanja secara berhemah dalam pengurusan koperasi.
- 3.3 Mesyuarat dengan sebulat suara meluluskan Laporan Tahunan Anggota Lembaga bagi tahun 2024.

Pencadang : Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan

Penyokong : Sdr. Ong See Meng

AGENDA 4 :

MENIMBANG DAN MELULUSKAN

4 (a) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2024 telah diluluskan sebulat suara :

Pencadang : Sdr. Arjunan a/l Kuppan

Penyokong : Sdri. R Thamilarasay a/p P R Ramakrishnan

4 (b) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Mengenai Akaun-Akaun Teraudit Untuk Tahun Berakhir 31/12/2024.

- 4 b1 Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa pandangan SKM bagi akaun-akaun teraudit untuk tahun berakhir 31/12/2024 masih belum diterima.

AGENDA 5 :

MENERIMA DAN MENGESAHKAN

5(a) Penyata Kewangan Bagi Tahun 2024

5a1 Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa pada tahun 2024, keuntungan bersih koperasi telah meningkat kepada RM666,899.00 berbanding RM599,993.00 pada tahun 2023 manakala perbelanjaan koperasi telah berkurangan kepada RM408,560.00 pada tahun 2024 berbanding RM419,062.00 pada tahun 2023.

5a2 Mesyuarat dengan sebulat suara meluluskan Laporan Tahunan Anggota Lembaga bagi tahun 2024.

Pencadang : Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan

Penyokong : Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan

5(b) Menimbang Dan Meluluskan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2024

Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa keuntungan sebelum Pembahagian Statutori ialah sebanyak RM717,399.00. Anggota Lembaga mengesyorkan pembayaran dividen 2.5% di atas modal yuran berjumlah RM540,083.00 dan 5% di atas modal syer berjumlah RM22,203.00.

Perwakilan meluluskan syor Anggota Lembaga sebulat suara :-

Pencadang : Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan

Penyokong : Sdr. Arjunan a/l Kuppan

AGENDA 6 :

MENGESAH DAN MELULUSKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2025/2026

Anggaran tersebut telah diluluskan sebulat suara dengan:-

Pencadang : Sdr. Jaafar bin Abdullah

Penyokong : Sdri. Wan Nurdeeny binti Wan Roshdi

AGENDA 7 :

MEMILIH 5 ORANG ANGGOTA LEMBAGA

7.1 Berikut ialah Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan mereka menurut Undang-undang Kecil KPPK Bhd 37(1) :-

i) Datuk Abu Bakkar bin Shawkat Ali

ii) Sdr. Fouzi bin Singon

iii) Sdr. Vel Mohan a/l Rangasamy

iv) Sdri. Liew Sook Fong

v) Sdr. Pok Kim Chan

7.2 Sdr. Ong See Meng mencadangkan agar kelima-lima calon tersebut dipilih semula sebagai ALK memandangkan KPPK Bhd telah mencatatkan prestasi yang baik. Cadangan beliau disokong oleh Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan dan diterima sebulat suara oleh para perwakilan. Maka 5 orang ALK yang terpilih kali ini adalah:-

i) Datuk Abu Bakkar bin Shawkat Ali

ii) Sdr. Fouzi bin Singon

iii) Sdr. Vel Mohan a/l Rangasamy

iv) Sdri. Liew Sook Fong

v) Sdr. Pok Kim Chan

AGENDA 8 :

MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK LEBIH DARIPADA 2 FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN- AKAUN KOPERASI

Perwakilan meluluskan agar mandat diberikan kepada Anggota Lembaga untuk menentukan firma audit yang akan dilantik untuk mengaudit akaun koperasi.

Pencadang : Sdr. Lee Siong Seng

Penyokong : Sdr. G Ravi a/l Govindasamy

AGENDA 9 :

MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG LEBIHAN KPPK BERHAD

Mesyuarat dengan sebulat suara meluluskan skop pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan koperasi sehingga tidak melebihi RM5,000,000.00

Pencadang : Sdr. Lee Siong Seng

Penyokong : Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan

AGENDA 10 :

MEMBERIKAN KUASA MEMINJAM WANG TIDAK LEBIH DARIPADA RM 5,000,000.00 (RINGGIT MALAYSIA LIMA JUTA) SAHAJA DENGAN KADAR FAEDAH TIDAK MELEBIHI KADAR SEMASA DI PASARAN

Mesyuarat dengan sebulat suara meluluskan RM5,000,000.00 sahaja untuk tujuan tersebut.

Pencadang : Sdri. R Thamarasy a/l P R Ramakrishnan

Penyokong : Sdr. Ong See Meng

AGENDA 11:

MELULUSKAN HAD PELABURAN LUAR KEPADA ANGGOTA LEMBAGA TIDAK MELEBIHI RM5,000,000.00 (RINGGIT MALAYSIA LIMA JUTA) SAHAJA

Mesyuarat dengan sebulat suara meluluskan RM5,000,000.00 sahaja untuk tujuan tersebut.

Pencadang : Sdri. R Thamarasy a/l P R Ramakrishnan

Penyokong : Sdr. Arjunan a/l Kuppan

AGENDA 12 :

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA 6 ORANG PERWAKILAN DAN 4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-29

Nama-nama berikut telah dicadangkan dan diluluskan oleh perwakilan dengan sebulat suara:

- | | | |
|----|---------------------------------|-------------------------|
| 1 | Pengerusi | - Wakil Anggota Lembaga |
| 2 | Setiausaha | - Wakil Anggota Lembaga |
| 3 | Bendahari | - Wakil Anggota Lembaga |
| 4 | Sdr. Asrab Khan bin Abd Kassim | - Wakil Anggota Lembaga |
| 5 | Sdr. Ong See Meng | - Wakil Perwakilan |
| 6 | Sdr. Ch'ng Yit Seong | - Wakil Perwakilan |
| 7 | Sdr. Jaafar bin Abdullah | - Wakil Perwakilan |
| 8 | Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan | - Wakil Perwakilan |
| 9 | Sdr. G Ravi a/l Govindasamy | - Wakil Perwakilan |
| 10 | Sdr. Arjunan a/l Kuppan | - Wakil Perwakilan |

Pencadang : Sdr. Wang Chuang Hang

Penyokong : Sdr. Lee Siong Seng

AGENDA 13 :

PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD

13.1 Sdr. Setiausaha telah membentangkan pindaan Perkara 20 Hilang Kelayakan Sebagai Anggota UUK KPPK Bhd untuk kelulusan para perwakilan.

	ASAL		BAHARU
20	Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia -	20	Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia -
f)	Berhenti atau diberhentikan menjadi ahli atau kakitangan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia.	f)	diberhentikan daripada perkhidmatan awam oleh kerajaan Malaysia

Pindaan Perkara 20, UUK KPPK Bhd diluluskan sebulat suara oleh para perwakilan

Pencadang : Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan

Penyokong : Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan

AGENDA 14 :

MEMBINCANGKAN USUL-USUL BERTULIS YANG TELAH DISAMPAIKAN KEPADA SETIAUSAHA SEKURANG-KURANGNYA TUJUH HARI SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

Tiada

AGENDA 15 :

MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN [PERATURAN 33 (1)(f) & (p)]

Para perwakilan dengan sebulat suara meluluskan sebanyak RM 6,700.00 untuk diagihkan kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan kadarnya ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencadang : Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan

Penyokong : Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan

AGENDA 16:

UCAPAN PENANGGUHAN

16.1 Sdr. Jaafar bin Abdullah, perwakilan Kedah mencadangkan agar KPPK Bhd menyediakan baju untuk semua perwakilan sebagai usaha mempromosikan KPPK Bhd. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan beliau akan dipertimbangkan oleh Anggota Lembaga kelak.

16.2 Sdr. Muthusamy a/l Paliany @ Palany berharap agar ALK akan mengamalkan perbelanjaan secara berhemah dan berusaha untuk mengekalkan prestasi cemerlang KPPK Bhd seperti mana sekarang pada tahun-tahun akan datang.


Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.10 petang.



(CHAN CHENG HUAT)
Setiausaha KPPK Berhad

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-29 pada 20 Jun 2025 telah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa menentu sah minit tersebut seperti berikut :-

1. Datuk Abu Bakkar Bin Shawkat Ali
2. Sdr. Syed Zulkafli bin Syed Abdul Karim
3. Sdr. Chan Cheng Huat
4. Sdr. Asrab Khan bin Abd Kassim
5. Sdr. Ong See Meng
6. Sdr. Arjunan a/l Kuppan
7. Sdr. Murugan a/l Nagu Pandithan
8. Sdr. Ch'ng Yet Seong
9. Sdr. Jaafar bin Abdullah
10. Sdr. G Ravi a/l Govindasamy



The image shows ten handwritten signatures, each written on a separate horizontal line. The signatures are in black ink and vary in style, including cursive and more formal block letters. The names of the signatories correspond to the list on the left.

LAPORAN TAHUNAN KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD (KPPK BHD.) 2025

1. Pengisytiharan Dividen

- 1.1 Dividen yang diisytiharkan pada tahun 2024 adalah 2.5 % di atas Yuran Anggota dan 5% di atas modal syer Anggota. Semua dividen telah dikreditkan ke dalam akaun anggota masing-masing.
- 1.2 Keuntungan KPPK Bhd pada tahun 2025, sebelum Pembahagian Statutori adalah RM572,784.00. Anggota Lembaga mengesyorkan pengisytiharan dividen sebanyak 2% di atas modal yuran berjumlah RM453,914.00 dan 5% di atas modal syer berjumlah RM20,218.00
- 1.3 Keuntungan tahun 2025, selain daripada diagihkan kepada dividen, juga dibahagikan kepada yang berikut:-
- Kumpulan Wang Rizab Statutori -10% - RM 57,278.00
 - Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2% - RM 11,456.00
 - Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1% - RM 5,728.00

2. Jawatankuasa Audit Dalaman

Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Anggota Lembaga pada mesyuarat bertarikh 20 Jun 2025 telah melantik yang berikut sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tempoh 2025 / 2026.

- 1) Sdr. Lee Siong Seng (Ketua)
- 2) Sdr. Muthusamy a/l Paliany @Palany
- 3) Sdri. Tan Siew Ting
- 4) Sdr. Ahmad Azizan bin Samsudin

3. Juruaudit Luar

Anggota Lembaga pada Mesyuarat bertarikh 20 Jun 2025 telah melantik Inpana & Associates sebagai Juruaudit Luar KPPK Bhd

4. Bangunan

- 4.1 Bangunan Pejabat 3 Tingkat – Seksyen 15, Shah Alam, Selangor.
KPPK Bhd. mempunyai dua unit bangunan tiga tingkat di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan seperti berikut :-

Bil	Lokasi	Tarikh Belian	Kos Belian (RM)	Tingkat	Sewa Bulanan(RM)
1.	No.15, Jalan Tukul P15/P, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor	22 Julai 2008	898,000.00	15-GF 15-1 15-2	3900.00 2200.00 - Mulai Julai 2022 1800.00 - Mulai Julai 2022
2.	No.17, Jalan Tukul P15/P, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selango	22 Julai 2008	898,000.00	17-GF 17-1 17-2	4000.00 2000.00 1800.00

4.2 Bangunan Pejabat 4 Tingkat – Seria 88, Setia Alam, Selangor.

4.2.1 KPPK Bhd juga memiliki satu unit bangunan empat tingkat di Bandar Setia Alam, Selangor Darul Ehsan seperti berikut :-

Lokasi	Tarikh Belian	Tarikh Penyerahan Kunci Bangunan	Kos Belian (RM)	Tingkat	Sewa Bulanan (RM)
No.25, Jalan Setia Perdana BA U13/BA, Bandar Setia Alam, Seksyen U13, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	28 Ogos 2013	16 April 2015	2,620,000.00	25-GF 25-1F 25-2F 25-3F	10,000.00 Sejak Oktober 2020

5. Anggota Lembaga

5.1 Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan mereka menurut Undang- undang Kecil KPPK Bhd. 37(1) bagi tahun 2024/2025 adalah seperti berikut :

1. Datuk Abu Bakar bin Shawkat Ali
2. Sdr. Fouzi bin Singon
3. Sdr. Vel Mohan a/l Rangasamy
4. Sdr. Liew Sook Fong
5. Sdr. Pok Kim Chan

Sdr. Ong See Meng telah mencadangkan agar kelima-lima calon tersebut dipilih semula sebagai Anggota Lembaga memandangkan KPPK Bhd. menunjukkan prestasi yang baik. Cadangan beliau disokong oleh Sdr. Arikrishnan a/l Loganathan. Maka 5 calon yang tersenarai di bawah menang tanpa bertanding sebagai Anggota Lembaga:

- 1 Datuk Abu Bakar bin Shawkat Ali
- 2 Sdr. Fouzi bin Singon
- 3 Sdr. Vel Mohan a/l Rangasamy
- 4 Sdr. Liew Sook Fong
- 5 Sdr. Pok Kim Chan

5.2 Mesyuarat Anggota Lembaga telah diadakan pada 20 Jun 2025 untuk melantik pegawai-pegawai utama KPPK Bhd.

Berikut adalah Pegawai-pegawai utama dan Anggota Lembaga KPPK Bhd. bagi tempoh 2025 / 2026 :

- | | |
|--|---------------------|
| 1. Datuk Hj. Abu Bakkar bin Shawkat Ali | Pengerusi |
| 2. Sdr. Vel Mohan a/l Rangasamy | Timbalan Pengerusi |
| 3. Sdr. Chan Cheng Huat | Setiausaha |
| 4. Sdr. Wang Heng Suan | Timbalan Setiausaha |
| 5. Sdr. Syed Zulkafli bin Syed Abdul Karim | Bendahari |
| 6. Sdr. Mohd Fadzil bin Md. Isa | Timbalan Bendahari |
| 7. Sdr. Aminuddin bin Awang | Anggota Lembaga |
| 8. Sdr. Wai Yok Man | Anggota Lembaga |
| 9. Sdr. Asrab Khan bin Abd Kassim | Anggota Lembaga |
| 10. Sdr. Tee Wee Meng | Anggota Lembaga |
| 11. Sdr. Jonaidi bin Osman | Anggota Lembaga |
| 12. Sdr. Fouzi bin Singon | Anggota Lembaga |
| 13. Sdr. Liew Sook Fong | Anggota Lembaga |
| 14. Sdr. Pok Kim Chan | Anggota Lembaga |
| 15. Sdr. Suwedan a/l Sellappan | Anggota Lembaga |

5.3 Pada Mesyuarat Agung Perwakilan ke-30 yang akan datang yang berikut akan mengosongkan jawatan mereka menurut Undang-undang Kecil KPPK Bhd. 37(1)

1. Sdr. Chan Cheng Huat
2. Sdr. Syed Zulkafli bin Syed Abdul Karim
3. Sdr. Mohd Fadzil bin Md Isa
4. Sdr. Jonaidi bin Osman
5. Sdr. Suwedan a/l Sellappan

6. Kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga 2025

Rujuk LAMPIRAN A (muka surat 18)

7. Keanggotaan

7.1 Keanggotaan KPPK Bhd. bagi lima tahun (2021 – 2025) adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH ANGGOTA				
	2021	2022	2023	2024	2025
Selangor	918	869	847	856	852
Kedah	508	516	521	514	498
Negeri Sembilan	365	373	365	356	360
Perak	488	486	489	486	490
Melaka	342	330	333	335	346
Wilayah Persekutuan	363	355	349	349	347
Johor	339	337	335	345	347
Pahang	253	241	242	237	240
Kelantan	453	482	483	482	482
Pulau Pinang	109	111	115	122	128
Terengganu	121	139	145	153	171
Perlis	36	39	39	40	39
Sabah	15	15	16	16	16
Sarawak	7	9	8	8	8
JUMLAH	4317	4302	4287	4299	4324

7.2 Keanggotaan pada tahun 2025 telah diselaraskan mengikut Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang hanya merekodkan anggota-anggota yang aktif sahaja.

8. Kempen Keanggotaan

Pada tahun 2025, kempen keanggotaan bergerak dengan lancar untuk merekrutkan anggota KPPK Bhd. Untuk kempen keanggotaan, PENCADANG telah dibayar saguhati RM20.00 untuk merekrutkan seorang anggota baharu. Pembayaran saguhati bagi kempen ini akan diteruskan bagi tahun 2025/2026.

KPPK Bhd merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada NUTP yang telah menggalakkan semua Cawangan NUTP menjalankan kempen keanggotaan secara besar-besaran. Berikut adalah jempunan kepada KPPK Bhd untuk menjalankan kempen keanggotaan:

Bil	Tarikh	Jempunan	Tempat
1	02/01/2025	SJKC Pay Hwa, Melaka	SJKC Pay Hwa, Melaka
2	29/04/2025	NUTP Johor	Amansari Residence Resort, Masai, Johor
3	23/11/2025	NUTP WP	Premeira Hotel, KL

9. Pembiayaan

9.1 Jumlah pinjaman anggota tahun 2025 adalah terdiri daripada yang berikut :-

a) Pembiayaan Persendirian	RM	368,533.00
b) Pembiayaan Tergempar	RM	416,159.00
c) Pembiayaan Atas Yuran	RM	25,810.00
d) Pembiayaan Pembukaan Persekolahan	RM	3,001.00
e) Pembiayaan Insentif Anggota Baharu/Pencadang	RM	1,043,570.00
f) Pembiayaan Insentif Mengekalkan Keanggotaan	RM	1,791,271.00
g) Pembiayaan Barangan Konsumer	RM	204,496.00

9.2 Faedah yang diterima daripada pinjaman pada tahun 2025 adalah seperti berikut:-

a) Pinjaman Anggota	- RM	244,615.00
b) Fi Pemprosesan	- RM	32,200.00

JUMLAH FAEDAH **RM 276,815.00**

10. Pelaburan

10.1 Akaun Simpanan Tetap

Berikut adalah Simpanan Tetap tahun 2025 / 2026 yang berlesen.

Affin Bank Berhad	RM	6,277,369.00
Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd.	RM	2,265,149.00
Hong Leong Bank Berhad	RM	1,372,536.00
Public Bank Berhad	RM	346,523.00
Bank Muamalat Malaysia Berhad	RM	4,466,413.00

JUMLAH SIMPANAN TETAP **RM 14,727,990.00**

10.2 Saham Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad (Bank Rakyat)

KPPK Bhd mempunyai saham Bank Rakyat sebanyak 111,375 unit dengan harga RM 111,375.00

10.3 Bank CO-OP

Akaun Simpanan Tetap KPPK Bhd di Bank Co-op sebanyak RM 54,750.00 Wang tersebut adalah daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori.

10.4 Amanah Raya Syariah Trust Fund (ARSTF)

Mesyuarat Anggota Lembaga pada 16 Ogos 2025 telah sebulat suara bersetuju untuk mengeluarkan dividen keuntungan daripada pelaburan KPPK Bhd. dalam ARSTF. Pelaburan ini dibuat melalui iFAST Capital Sdn. Bhd mulai Apr 2022 dan ini merupakan pengeluaran dividen yang ketiga oleh KPPK Bhd.

11. Kemudahan Pembiayaan

11.1 KPPK Berhad telah menyediakan kemudahan kewangan untuk membantu anggota- anggota semasa kecemasan seperti berikut :-

Jenis Pembiayaan	Jumlah Maksimum	Penjamin	Tempoh Bayaran Balik (maksimum)
Pembiayaan Persendirian Berpenjamin	RM 100,000	1-4 orang	120 bulan
Pembiayaan Atas Yuran	RM 100,000	Tanpa Penjamin	120 bulan
Pembiayaan Tergempar	RM 12,000	Tanpa Penjamin	30 bulan
Pembiayaan Pembukaan Persekolahan / Kemasukan ke IPT	RM 5,000	Tanpa Penjamin	12 bulan
Pembiayaan Insentif Anggota Baharu / Pencadang	RM 10,000	Tanpa Penjamin	36 bulan
Pembiayaan Insentif Mengekalkan Keanggotaan	Melebihi 3 Tahun RM 10,000	Tanpa Penjamin	36 bulan
	Melebihi 5 Tahun RM 20,000		
Pembiayaan Barangan Konsumer	RM 20,000	Tanpa Penjamin	60 bulan

12. Kemudahan Tabung Kebajikan

a) Tabung Khairat Kematian

Jadual pembayaran sumbangan adalah seperti berikut:-

Tempoh Keanggotaan	Jumlah Sumbangan Kematian
Bawah 5 tahun	RM 300.00
6 – 10 tahun	RM 600.00
11 – 15 tahun	RM 900.00
16 – 20 tahun	RM 1200.00
Lebih daripada 20 tahun	RM 1500.00

b) Tuntutan Tabung Khairat Kematian

Sebanyak 10 tuntutan Tabung Khairat Kematian telah dibayar pada tahun 2025 iaitu seperti berikut :-

Bil	Nama Anggota	Tarikh Meninggal Dunia	Jumlah Sumbangan
1	Puveneswaran a/l Karuppiyah	18/05/2020	RM 600.00
2	Khairiah binti Anuar	10/10/2021	RM 1,500.00
3	Jaiyal a/p Munusamy	25/08/2023	RM 900.00
4	Chan Ying Si	15/10/2024	RM 300.00
5	Mohd Syukri bin Deris	16/12/2024	RM 1,500.00
6	Puveneswari a/p Sinnadurai	27/12/2024	RM 1,500.00
7	Fatimah Bivi binti Tkk Moldunny	20/01/2025	RM 1,500.00
8	Pushpa a/p Kandasamy	15/07/2025	RM 900.00
9	Muhamad Rasimi bin Muhammad	30/08/2025	RM 300.00
10	Norrehan binti Mohamad	01/11/2025	RM 600.00

13. Kemudahan Skim Insurans Kelompok The Great Eastern.

Berikut adalah jumlah penyertaan dan premium yang diterima

Tahun	BILANGAN PENYERTAAN	Jumlah Premium	Komisen Diterima (2%)
2025	817 orang	RM 40,784.00	RM 17,289.00

14. Barangan Konsumer

Usahasama KPPK Bhd dengan Semarak Teknologi untuk skim pembiayaan barangan konsumer (21 Ogos 2020 semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24) telah membolehkan para anggota mendapatkan pembiayaan untuk pembelian barangan konsumer.

Jumlah pembiayaan bagi tahun 2025 adalah seperti berikut :-

Tahun	Jumlah Jualan	Jumlah Pembiayaan Diberi	Komisen Diterima
2025	RM 204,496.00	RM 204,496.00	RM 6,008.00

15. Mesyuarat Agung Kawasan

Sebanyak 9 Mesyuarat Agung Kawasan telah berjaya diadakan dari bulan Februari hingga April 2025 untuk memilih perwakilan ke Mesyuarat Agung KPPK Bhd. (Lihat Lampiran B). Seramai 40 orang perwakilan telah terpilih untuk menghadiri Mesyuarat Agung KPPK Bhd pada tahun 2025 dan tahun 2026. Hanya di Kawasan Pulau Pinang dan Kawasan Johor, Mesyuarat Agung Kawasan tidak dapat dijalankan kerana korum tidak mencukupi.

Penghargaan

KPPK Berhad ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada :

- Pengerusi Eksekutif dan pegawai-pegawai, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Pengarah Suruhanjaya Koperasi, Wilayah Persekutuan.
- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Semenanjung Malaysia, Setiausaha-setiausaha Kehormat dan staf cawangan-cawangan KPPK.
- Anggota Lembaga yang bersara, Juruaudit Dalaman, Juruaudit Luar, Delegat- Delegat dan Anggota-Anggota Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
- Kakitangan Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
- Biro Perkhidmatan ANGKASA.
- Semua Guru Besar / Pengetua dan
- Semua pihak secara langsung dan tidak langsung yang telah membantu kami.

Sekian,

Untuk Dan Bagi Pihak KPPK Berhad


(CHAN CHENG HUAT)
Setiausaha KPPK Berhad

LAMPIRAN A

KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KPPK BERHAD

TAHUN 2025

BIL	NAMA	11 Jan	01 Mac	09 Mei	20 Jun	20 Jun (Khas)	16 Ogos	11 Okt	06 Dis	JUMLAH
1	Datuk. Abu Bakar bin Shawkat Ali	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8 / 8
2	Sdr. Vel Mohan Mohan a/l Rangasamy	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8 / 8
3	Sdr. Chan Cheng Huat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8 / 8
4	Sdr. Syed Zulkafli bin Syed Abdul Karim	THM	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7 / 8
5	Sdr. Wang Heng Suan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8 / 8
6	Sdr. Mohd Fadzil bin Md. Isa	✓	✓	✓	✓	✓	✓	THM	✓	7 / 8
7	Sdr. Jonaidi bin Osman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8 / 8
8	Sdr. Tee Wee Meng	✓	✓	✓	✓	✓	✓	THM	✓	7 / 8
9	Sdr. Asrab Khan bin Abd Kassim	✓	✓	✓	✓	✓	THM	✓	✓	7 / 8
10	Sdr. Aminuddin bin Awang	THM	THM	THM	THM	THM	✓	THM	THM	1 / 8
11	Sdr. Fouzi bin Singon	THM	THM	THM	THM	✓	THM	THM	✓	2 / 8
12	Sdr. Pok Kim Chan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	THM	7 / 8
13	Sdri. Liew Sook Fong	THM	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7 / 8
14	Sdr. Suwedan a/l Sellappan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	THM	7 / 8
15	Sdr. Wai Yok Man	✓	✓	THM	✓	✓	✓	✓	✓	7 / 8
JUMLAH KEHADIRAN		11/15	13/15	12/15	13/15	14/15	13/15	11/15	12/15	

THM – TIDAK HADIR DENGAN MAAF

LAMPIRAN B
MESYUARAT AGUNG KAWASAN 2025
KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BHD

Bil	KAWASAN	TARIKH	TEMPAT	MASA	BIL ANGGOTA	JUMLAH KEHADIRAN	BIL DELEGAT
1	SELANGOR	22/02/25	SMK Tinggi Kajang, Selangor	10.00 pg	856	23	9
2	Wilayah Persekutuan	23/02/25	Dewan Seminar NUTP SM	10.00 pg	335	23	4
3	KEDAH/PERLIS	07/03/25	Bilik Mesyuarat NUTP Kedah	10.00 pg	554	40	6
4	PULAU PINANG	08/03/25	Bilik Mesyuarat NUTP Pulau Pinang	10.00 pg	122	TIADA KOURUM (16)	-
5	PERAK	09/03/25	Bilik Mesyuarat NUTP Perak	10.00 pg	487	48	5
6	NEGERI SEMBILAN	15/03/25	Bilik Mesyuarat NUTP NS	10.00 pg	356	30	4
7	KELANTAN	21/03/25	Bilik Mesyuarat NUTP Kelantan	10.00 pg	482	31	5
8	TERENGGANU	22/03/25	SK Tok Dir, Kuala Terengganu, Terengganu	10.00 pg	153	22	2
9	PAHANG	23/03/25	Bilik Mesyuarat NUTP Pahang	10.00 pg	237	29	2
10	JOHOR	19/04/25	Bilik Mesyuarat NUTP Johor	10.00 pg	345	TIADA KOURUM (14)	-
11	MELAKA	20/04/25	SJKC Pay Hwa, Rumbia, Melaka	10.00 pg	335	43	3
JUMLAH							40

**KOPERASI PERKHIDMATAN
PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD**

**LAPORAN PENYATA KEWANGAN
31HB DISEMBER 2025**



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2025

Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad untuk tahun kewangan dari 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025

Bahawa kami, Anggota Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad mengikut kehendak Seksyen 42A, Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil Koperasi 53 serta Peraturan – peraturan Koperasi, dengan ini kami mengemukakan laporan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 30 bahawa pemeriksaan dan pengauditan telah dilaksanakan mengenai rekod- rekod kewangan dan transaksi seperti berikut :-

1. Bahawa penyata- penyata kewangan Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad mulai tempoh 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 adalah memberi keterangan yang benar dan saksama berkaitan transaksi – transaksi kewangan dan kedudukan hal –ehwal berkaitannya menurut Piawaian- piawaian Perakaunan dan Akta Koperasi 1993.
2. Bahawa dalam tempoh tersebut juga didapati Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad telah mencatat, melaksanakan dan menyimpan rekod- rekod perakaunan serta lain- lain yang berkaitan dibuat dengan lengkap, teratur dan memuaskan menurut Piawaian- piawaian prinsip perakaunan yang diluluskan dan mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993 sediaada.
3. Bahawa dalam tempoh tersebut, mendapati hasil kendalian Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang luar biasa.
4. Bahawa segala hal –ehwal Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad telah dijalankan mengikut matlamat Suruhanjaya Koperasi Malaysia, matlamat pendaftaran Koperasi ini, matlamat peruntukan Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan yang sediaada.

Dengan ini, kami membuat kesimpulan bahawa dari pandangan serta pendapat kami berhubung penyata kewangan, semakan ulangan secara pengauditan fizikal menzahirkan kenyataan yang benar dan munasabah.

Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada staf dan Anggota Lembaga Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad atas kerjasama, memberi perhatian wajar dan tindakan maklumbalas yang memuaskan serta mengekalkan kecekapan koperasi kita.


Sekian, terima kasih :



LEE SIONG SENG
Ketua JAD



MUTHUSAMY A/L PALIANY@PALANY
Anggota JAD



AHMAD AZIZAN BIN SAMSUDIN
Anggota JAD



TAN SIEW TING
Anggota JAD

Tarikh :

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2025

LAPORAN LEMBAGA

Menurut Seksyen 59(1)(c) Akta Koperasi 1993 (termasuk pindaan di bawah Akta Koperasi (pindaan) 2007)

Kami bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Penyata Kewangan dan Laporan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31hb Disember 2025.

OBJEKTIF DAN KEGIATAN UTAMA

Objektif dan kegiatan utama Koperasi disenaraikan seperti berikut:-

- a) Menggalakkan sikap berjimat cermat di kalangan anggota.
- b) Memberikan pelbagai pinjaman dan kemudahan kewangan kepada anggota.
- c) Melabur wang dalam simpanan tetap dan saham ekuiti syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi menambahkan sumber pendapatan Koperasi.
- d) Melabur dalam hartanah / bangunan.

Tiada sebarang perubahan penting yang berlaku pada kegiatan utama Koperasi sepanjang tahun kewangan.

HASIL OPERASI

	RM
Keuntungan selepas pembahagian berkanun	498,322
<u>Pembahagian:</u>	
Dividen dicadangkan	<u>(474,132)</u>
Baki keuntungan belum dibahagi-bahagikan	<u>24,190</u>

MAKLUMAT BERKANUN

Menurut kehendak Seksyen 59(1)(c) Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Lembaga melaporkan bahawa:-

- a) Keputusan-keputusan operasi Koperasi, dalam tempoh yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi, tidak terjejas secara material oleh perkara-perkara luarbiasa.


KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2025

LAPORAN LEMBAGA (Sambungan)

- b) Tiada keadaan yang telah berbangkit sehingga menjadikan pematuhan kaedah yang sedia ada bagi penaksiran aset atau liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai;
- c) Tiada liabiliti kontinjen yang belum ditunaikan telah ditanggung oleh Koperasi untuk tahun yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi, dan tiada liabiliti kontinjen sedemikian telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan yang berikutnya yang akan menjejaskan secara material keupayaan Koperasi untuk memenuhi obligasi-obligasi yang perlu dipenuhi;
- d) Tiada sebarang pemindahan penting dari atau kepada Rizab dilakukan sepanjang tahun kewangan, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 18, 19 dan Nota 20 kepada penyata kewangan.
- e) Jumlah aset semasa akan menghasilkan nilai yang ditunjukkan baginya dalam penyata kewangan Koperasi dalam urusan biasa Koperasi;
- f) Pihak Lembaga Koperasi bercadang mengisytiharkan dividen sebanyak 2% atas Yuran Anggota sebanyak RM453,914 dan 5% di atas Modal Syer Anggota sebanyak RM20,218 bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2025. Dividen dicadangkan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan.

Kami, bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan menurut Akta Koperasi 1993, termasuk pindaan di bawah Akta Koperasi (Pindaan) 2007.



**DATUK HAJI ABU
BAKKAR BIN
SHAWKAT ALI**

(Pengerusi)



CHAN CHENG HUAT

(Setiausaha)



**SYED ZULKAFLI BIN
SYED ABDUL KARIM**

(Bendahari)

Kuala Lumpur

Bertarikh: 19 MAY 2026

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2025

LAPORAN JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD

Laporan Penyata Kewangan kepada:

- a) Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
- b) Anggota-anggota KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD.

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD yang mengandungi Lembaran Imbangan Koperasi pada 31hb Disember 2025, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut bersama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 6 hingga 30.

Tanggungjawab Lembaga terhadap Penyata Kewangan

Pihak Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan Penyata Kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan Penyata Kewangan yang nyata dan bebas daripada salahnyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, memilih dan menggunakan polisi akaun dan membuat anggaran yang munasabah.

Tanggungjawab Juruaudit

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan ke atas Penyata Kewangan, berdasarkan kerja-kerja audit yang dijalankan oleh kami. Mengikut piawaian tersebut, kami dikehendaki merancang dan menjalankan audit supaya mendapat segala maklumat dan keterangan yang kami perlukan untuk mendapat bukti yang mencukupi, untuk menjamin bahawa penyata kewangan bebas daripada salahnyata yang material.

Kerja-kerja audit juga meliputi pemeriksaan prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan, dan anggaran-anggaran yang diambil kira oleh Lembaga, dan juga mengkaji kesesuaian maklumat yang ditunjukkan di penyata kewangan. Pemilihan prosedur ini adalah berdasarkan pertimbangan kami, termasuk penilaian mengenai risiko salah nyata yang material terhadap penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian ini, kami juga mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan dalam merangka prosedur audit yang bersesuaian. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan, anggaran yang dibuat oleh pihak Lembaga dan juga pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami berpendapat bahawa audit yang dijalankan oleh kami, memberikan asas yang saksama dalam memberikan pandangan ke atas Penyata Kewangan.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2025

**LAPORAN JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)
KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD**

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang dibentangkan berasaskan Konvensyen Kos Asal, mematuhi kehendak Akta Koperasi 1993 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia, memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai transaksi kewangan dan kedudukan urusan Koperasi pada 31hb Disember 2025, dan keputusan operasi serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan terhadap lain-lain peraturan dan undang-undang

Mengikut kehendak Seksyen 63(2), (3) dan (4) Akta Koperasi 1993, kami juga melaporkan, pada pendapat kami:

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun berakhir 31hb Disember 2025, mematuhi Akta Koperasi 1993, peraturan-peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas adalah munasabah mengikut polisi akaun.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2025

LAPORAN JURUAUDIT (Sambungan)

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan ahli-ahli Koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 dan bukan untuk sebab-sebab lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain bagi kandungan laporan ini.



Nama Juruaudit dan Tandatangan

SEELAN S CHELLIAH

Nombor Juruaudit

SKM (B) 0492

Nama Firma Juruaudit

**INPANA & ASSOCIATES
AKAUNTAN BERTAULIAH
AF 0413**



Tandatangan Firma Juruaudit

Tarikh Tandatangan Laporan

19 MAY 2026

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

LEMBARAN IMBANGAN
31hb Disember 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN			
Komputer	7	1,872	3,692
Aset-aset lain	7	8,536	10,169
		<u>10,408</u>	<u>13,861</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah pelaburan	8	4,003,593	4,045,951
Pelaburan dalam syer siar harga	9	2,024,613	2,019,592
Pelaburan dalam syer tak siar harga	10	111,375	111,375
Pinjaman anggota	11	3,756,383	2,949,298
Akaun Deposit Koperasi (ADK)	13(b)	54,750	51,243
		<u>9,950,714</u>	<u>9,177,459</u>
ASET SEMASA			
Pinjaman anggota	11	1,405,496	1,263,985
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	13(a)	550,000	550,000
Pelbagai penghutang dan deposit	12	147,123	147,192
Deposit tetap dengan institusi kewangan berlesen	13(a)	14,177,990	13,773,009
Wang di bank	14	907,858	1,168,261
Wang di tangan		63	63
		<u>17,188,530</u>	<u>16,902,510</u>
JUMLAH ASSET		<u><u>27,149,652</u></u>	<u><u>26,093,830</u></u>
<u>Dibiayai oleh:</u>			
Modal Syer Anggota	15	404,360	404,740
Modal Yuran Anggota	16	22,695,676	21,770,602
Modal Syer Ditebus	17	164,385	164,005
Rizab Nilai Saksama : Pelaburan Syer	18	(123,201)	(227,845)
Kumpulan Wang Penebusan Syer	19	88,690	89,070
Kumpulan Wang Lain	20	1,277,036	1,155,310
Akaun Untung Rugi Terkumpul		897,570	868,148
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>25,404,516</u>	<u>24,224,030</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	21	729,561	672,283
LIABILITI SEMASA			
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	22	11,456	39,149
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	23	5,728	19,575
Dividen	24	474,132	562,286
Pinjaman dari SKM	25	-	97,948
Pelbagai Pemiutang	26	524,259	478,559
		<u>1,015,575</u>	<u>1,197,517</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA		-	-
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u><u>27,149,652</u></u>	<u><u>26,093,830</u></u>

Nota-nota dikepilkkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
Bagi tahun berakhir 31hb Disember 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
UNTUNG BERSIH TAHUN SEMASA		572,784	666,899
Pelarasan Operasi	28(a)	-	50,500
UNTUNG BERSIH SELEPAS PELARASAN OPERASI		<u>572,784</u>	<u>717,399</u>
<u>TOLAK:-</u>			
<u>PEMBAHAGIAN BERKANUN</u>			
Kumpulan Wang Rizab Statutori 10%	21	57,278	71,740
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)	22	11,456	14,348
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)	23	5,728	7,174
		<u>74,462</u>	<u>93,262</u>
KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN CUKAI	27	498,322	624,137
KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN DAN CUKAI		<u>-</u>	<u>-</u>
		498,322	624,137
<u>TOLAK:-</u>			
<u>PEMBAHAGIAN LAIN</u>			
Dividen Di Atas Model Syer Dicadangkan 5%	24	20,218	22,203
Dividen Di Atas Yuran Anggota Dicadangkan 2% (2024 - 2.5%)	24	453,914	540,083
		<u>474,132</u>	<u>562,286</u>
BAKI KEUNTUNGAN BELUM DIBAHAGI-BAHAGIKAN		24,190	61,851
Pelarasan Bukan Operasi	28(b)	5,232	(9,407)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN		868,148	815,704
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		<u><u>897,570</u></u>	<u><u>868,148</u></u>

Nota-nota dikepilkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

AKAUN UNTUNG RUGI
Bagi tahun berakhir 31hb Disember 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
<u>PENDAPATAN</u>			
Kredit			
Fi masuk		4,460	5,190
Fi pemprosesan		32,200	26,410
Faedah - Pinjaman anggota	29	244,615	103,996
Denda - Pinjaman anggota		-	1,003
		<u>281,275</u>	<u>136,599</u>
Pelaburan			
Faedah - Akaun semasa		10,494	20,546
Faedah - Simpanan tetap		389,445	479,885
Dividen		18,482	119,144
Penyewaan hartanah		296,800	292,800
Keuntungan jualan saham		141	473
		<u>715,362</u>	<u>912,848</u>
Aktiviti-aktiviti lain			
Komisyen - Insuran		17,289	19,534
Komisyen - Barangan Konsumer		6,008	4,250
Lain-lain pendapatan		-	2,228
		<u>23,297</u>	<u>26,012</u>
JUMLAH PENDAPATAN		<u>1,019,934</u>	<u>1,075,459</u>
<u>PERBELANJAAN</u>			
Kos Aktiviti:			
Pelaburan (hartanah)			
Cukai tanah dan pintu		16,729	14,904
Faedah pinjaman dari SKM		736	6,695
Insuran		1,825	1,825
Susutnilai (hartanah pelaburan)	8	42,358	42,358
		<u>61,648</u>	<u>65,782</u>
Perbelanjaan Am:			
Perbelanjaan Lembaga			
Elaun Anggota Lembaga	30	70,481	60,280
Juruaudit dalaman		1,754	1,894
		<u>72,235</u>	<u>62,174</u>
Susutnilai Aset			
- Perabut dan kelengkapan		863	863
- Komputer		1,820	2,900
- Alat pejabat		770	770
	7	<u>3,453</u>	<u>4,533</u>

Nota-nota dikepilkkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

AKAUN UNTUNG RUGI (Sambungan)
Bagi tahun berakhir 31hb Disember 2025

	2025	2024
	RM	RM
Belanja Mesyuarat Agung dan Kawasan		
Mesyuarat agung tahunan	1,450	2,290
Elaun mesyuarat tahunan	12,298	11,538
Elaun mesyuarat kawasan	13,030	-
	<u>26,778</u>	<u>13,828</u>
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan		
Gaji dan elaun	151,240	150,115
KWSP dan Perkeso	20,948	20,049
	<u>172,188</u>	<u>170,164</u>
Pelbagai Perbelanjaan		
Bayaran juruaudit luar	11,547	7,000
Bayaran - RAM Kredit Angkasa	106	195
Bayaran professional	1,500	1,500
Bayaran perkhidmatan - Angkasa	1,026	598
Caj bank	534	418
Elektrik dan air	6,608	7,867
Insuran - kakitangan	1,954	2,203
Kempen keahlian	2,260	2,680
Kursus dan seminar	1,378	5,185
Pelbagai belanja	8,410	2,939
Pemeliharaan dan penyelenggaraan		
- Pejabat dan kelengkapan	18,588	19,501
- Bangunan	18,917	12,176
Percetakan dan alat tulis	17,234	17,348
Perjalanan dan pengangkutan	4,119	138
Sewa pejabat	6,000	6,000
Sewa mesin fotostat	1,440	1,260
Tawarruq Angkasa (cukai perkhidmatan)	(250)	(140)
Telefon dan pos	9,153	4,995
Yuran langganan (Angkasa)	324	216
	<u>110,848</u>	<u>92,079</u>
JUMLAH PERBELANJAAN	<u>447,150</u>	<u>408,560</u>
KEUNTUNGAN BERSIH	<u>572,784</u>	<u>666,899</u>

Nota-nota dikepulkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

PENYATA ALIRAN TUNAI
Bagi tahun berakhir 31hb Disember 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan selepas pembahagian berkanun		498,322	624,137
Pelarasan untuk:			
Kumpulan Wang Rizab Statutori		57,278	71,740
Keuntungan jualan saham		(141)	(473)
Susutnilai		45,811	46,891
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		601,270	742,295
PERUBAHAN MODAL KERJA			
Pelbagai penghutang		69	21,262
Pemiutang		45,700	51,396
Tunai bersih dihasilkan oleh aktiviti operasi		647,039	814,953
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		(27,693)	14,348
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		(13,847)	7,174
Lain-lain Kumpulan Wang		121,726	133,251
Tunai daripada bayaran berkanun dan agihan		80,186	154,773
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil jualan saham		199,579	103,260
Pembayaran balik pinjaman berjangka		(97,948)	(230,147)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	7	-	(7,109)
Pelaburan saham		(99,815)	(102,790)
Pinjaman anggota		(948,596)	(999,124)
Pindahan ke Akaun Deposit Koperasi		(3,507)	-
Tunai bersih yang digunakan oleh aktiviti pelaburan		(950,287)	(1,235,910)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Modal syer		(380)	290
Pembayaran dividen		(557,054)	(495,887)
Yuran anggota		925,074	722,187
Tunai bersih yang dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan		367,640	226,590
PENGURANGAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
		144,578	(39,594)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1HB JANUARI		14,941,333	14,980,927
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31HB DISEMBER		15,085,911	14,941,333
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Tunai dan baki di bank		907,921	1,168,324
Deposit tetap dengan bank berlesen		14,177,990	13,773,009
		15,085,911	14,941,333

Penyata Aliran Tunai ini disediakan berdasarkan kaedah secara tidak langsung

Nota-nota dikepilkkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
(No. Pendaftaran : W-6-0269)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31hb Disember 2025

1. MAKLUMAT UMUM

